

7992

**Warisan: jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, cawangan
Negeri Sembilan 18 (1994)**

Perkampungan Orang Asli Tekir

Oleh: Haji Md Zabidi bin Haji Md Ariff

ASAL USUL

Mengikut pendapat penduduk-penduduk Asli di Kampung Tekir(1) ini, nama Tekir berasal dari nama *Tekih*, iaitu yang bermakna "*selesai*". Pada masa dahulu Orang-orang Asli di sini suka menangkap ikan di sungai yang berhampiran dengan kampung tersebut sehinggakan habis atau tekih ikan-ikan di sungai itu.

Mereka menggunakan berbagai jenis alat seperti parang, lembing dan lain-lain lagi untuk menangkap ikan tersebut. Maka daripada peristiwa inilah, maka kampung ini mereka namakan Kampung Tekir. Kampung ini telah dibuka pada tahun 1930'an oleh Dato' Penghulu Labu, iaitu Dato' Zainal Abidin bin Lati. Beliau yang bertanggungjawab mengusahakan pembukaan kampung ini.

Penduduk kampung ini adalah terdiri daripada Orang-orang Asli yang berasal dari bukit-bukit berhampiran dengan kampung ini seperti Bukit Keledek, Bukit Mantin dan lain-lain lagi. Oleh kerana bilangan penduduk di bukit-bukit tersebut bertambah ramai dan juga kerana berlakunya darurat,(2) pada masa itu, maka Kerajaan telah menempatkan mereka di satu kawasan supaya mereka tidak dipengaruhi oleh fahaman komunis. Kawasan inilah yang dinamakan Kampung Tekir.

Rumah mereka tidak berjauhan antara satu sama lain seperti dahulu. Rumah mereka bertiang tinggi untuk mengelakkan daripada binatang-binatang liar. Atapnya pula atap nipah dan berdinginkan buluh. Mereka tinggal di sini untuk selamanya, tidak lagi berpindah randah seperti dahulu, yang mana mereka akan berpindah selepas berlakunya kematian di dalam sesebuah keluarga dan juga disebabkan tanah untuk bercucuk tanam tidak lagi subur.

Penduduk kampung ini terdiri dari Suku Temuan, tetapi sekarang telah ada beberapa orang dari bangsa Cina dan Melayu yang telah berkahwin dengan anak perempuan Orang Asli di sini. Mereka juga tinggal menetap di kampung ini. Dengan adanya perkahwinan campuran ini, tidak secara langsung maka unsur-unsur luar telah meresap masuk ke dalam kehidupan penduduk-penduduk Kampung Tekir ini.

KEDUDUKANNYA

Kampung Tekir terletak kira-kira 11 batu dari Seremban. Kampung ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu Tekir Hilir (Ladang Deku) dan Tekir Hulu. Jauhnya di antara kedua tempat ini adalah lebih kurang tiga suku batu. Tekir Hulu letaknya berhampiran dengan Labu Ulu. Tekir Hilir pula berdekatan dengan Batu 10 Pekan Labu. Ada dua jalan untuk menghubungkan kedua-dua kampung tersebut. Untuk ke Kampung Tekir Hilir, kenderaan boleh melalui jalan Batu 10 Pekan Labu, membelok ke kiri sejauh kira-kira dua batu. Ke Kampung Tekir Hulu pula hanya membelok ke kiri apabila sampai ke Batu 9. Jauhnya dari Pekan Batu 9 ini ialah lebih kurang

setengah batu sahaja, dan ia terpaksa menempuh jalan "highway". Ini bermakna segala jenis kenderaan boleh digunakan untuk ke kampung ini.

Perkampungan Tekir ini telah diperuntukkan oleh Kerajaan meliputi tiga ratus sembilan belas ekar dan tiga roods. Mengikut "**The Aboroginal Peoples Ordinance, 1954** Aboroginal Reserves", antara kandungan surat yang bertarikh 4hb. Julai, 1956, ialah:

"In exercise of the powers conferred by section 7(1) of the Aboroginal Peoples Ordinance, 1954, the Ruler in the Council proclaims that parcel of land situated in the Mukim of Labu in the District of Seremban, described in the schedule here to, and delienated upon revenue survey plan No: 8347, to be an aboroginal reserve".(3)

Jadi ini bermakna perkampungan ini telah dikhaskan kepada Orang-Orang Asli, dan oleh yang demikian mereka dikecualikan daripada membayar cukai tanah. Ini adalah kerana mereka telah ramai menetap di sini, iaitu lebih kurang 200 orang dewasa di Kampung Tekir Hulu dan 30 orang di Tekir Hilir. Ini adalah salah satu daripada langkah untuk mengelakkan mereka dari berpindah randah. Sungguhpun begitu, selepas darurat, ada juga sebahagian kecil di antara mereka yang berpindah ke tempat lain. Yang lainnya telah menjadikan perkampungan ini tempat tinggal mereka untuk selama-lamanya.

INSTITUSI POLITIK KAMPUNG TEKIR:

Ketua bagi kampung ini adalah terdiri daripada Dato' Batin, Dato' Jerakah dan Dato' Jenang. Dato' Batin merupakan satu jawatan yang tertinggi sekali di kalangan Orang-Orang Asli. Beliau menetap di Tekir Hulu (Ladang Deku). Dato' Batinlah yang bertanggungjawab dalam menyelesaikan sebarang masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk kampung ini. Semasa kampung ini mula dibuka, perlantikan jawatan ini adalah berdasarkan keturunan. Jika seseorang Batin itu meninggal, maka secara automatik gelaran itu disandang oleh anak lelakinya.

Tetapi sekarang, dengan adanya campurtangan Kerajaan, pemilihan ini adalah mengikut suara ramai dari penduduk-penduduk kampung ini. Orang ramai diberi kuasa memilih ketua-ketua mereka. Ini bermakna yang jawatan Batin ini tidak lagi dipilih mengikut keturunan.

Jawatan kedua selepas Dato' Batin ialah Dato' Jerakah. Ia juga penting dalam membuat sesuatu keputusan di kampung ini. Dato' Jerakah juga tinggal bersama Dato' Batin di Tekir Hilir. Selepas jawatan ini pula ialah jawatan Dato' Jenang. Beliau tinggal di Tekir Hulu. Pemegang-pemegang jawatan tersebut merupakan orang-orang yang penting di dalam sebarang rundingan yang diadakan. Segala rundingan diadakan di Balairaya di Tekir Hulu.

EKONOMI ORANG-ORANG ASLI DI KAMPUNG TEKIR:

Mengikut banci tahun 1974, kebanyakan penduduk di Kampung Tekir ini mempunyai tanah yang agak lebar juga sehinggakan sampai sepuluh ekar seorang. Kebanyakan tanah tersebut adalah terdiri dari tanah dusun durian dan kebun getah. Berdasarkan dari banci ini sudah tentulah mereka mempunyai pendapatan yang baik juga. Tetapi apabila dikaji perkara ini tidaklah sebagaimana yang disangkakan.

Hanya nama tanah sahaja yang diperolehi, tetapi hasil tanah tersebut adalah dinikmati oleh peraih-peraih dan tauke-tauke Cina. Ini adalah kerana kebanyakan dari penduduk di kampung ini telah memajukan tanah mereka kepada peraih dan tauke Cina.

Perbuatan memajak tanah mendapat galakan dari seorang Batin yang bernama Bujang bin Yahaya. Beliaulah yang bertanggungjawab di atas perkara ini. Buktinya telah diketahui setelah beliau mati, di mana segala surat-surat perjanjian yang telah dibuat oleh penduduk-penduduk kampung ini dengan peraih-peraih dan tauke-tauke Batin itu sendiri telah menjadi saksi dalam setiap perjanjian tersebut.

Mengenai perjanjian yang telah dibuat itu, sebenarnya orang tidak menerima wang sebagaimana yang telah dicatatkan di dalam surat perjanjian itu. Mereka hanya dibenarkan mengambil barang-barang makan dari tauke-tauke tersebut. Segala catitan mengenai barang-barang yang diambil itu ditulis di dalam buku hutang oleh tauke-tauke itu sendiri tanpa diketahui oleh Orang-Orang Asli itu. Lama kelamaan, hutang meningkat dan akhirnya mereka tidak mampu untuk membayarnya. Oleh yang demikian, mereka terpaksa menggadaikan tanah mereka kepada tauke-tauke tersebut.

Oleh sebab itu, banyaklah tanah yang telah tergadai dan Orang-Orang Asli itu menjadi buruh di tanah mereka sendiri. Contohnya, mereka mengambil upah memungut buah durian di tanah mereka sendiri untuk diberikan kepada peraih-peraih tersebut. Itulah sebabnya pendapatan mereka sungguh menyedihkan. Tidak seperti yang disangkakan.

Pemajakan tanah bermula pada tahun 1955 oleh Awab bin Siwat. Saksi terpenting di dalam perjanjian ini ialah Batin Bujang bin Yahaya. Dari dorongan beliaulah menyebabkan penduduk-penduduk kampung jatuh ke lembah pemajakan menyebabkan mereka terikat dan penghidupan mereka menderita.

Sebagai contoh, satu kejadian telah berlaku apabila seorang daripada penduduk di sini telah berhutang sebanyak \$700 dari seorang tauke Cina. Sebelum ia meninggal dunia, anak perempuannya tidak dapat memiliki tanah pusaka tersebut, kerana tauke itu berkehendakkan hutang bapanya dijelaskan dahulu.

Mengikut keterangan dari tauke tersebut, beliau telah mendapat sebanyak \$400 pada tiap-tiap bulan, dari hasil jualan durian dari dusun durian yang telah digadaikan kepadanya oleh Orang Asli tersebut.

Beliau tidak akan mengembalikan tanah itu kepada anak perempuan Orang Asli itu jika hutang bapanya tidak dijelaskan. Perkara ini ada termaktub di dalam surat perjanjian.

Perjanjian ini dibuat hanyalah melalui mulut sahaja. Untuk mendapatkan wang dengan lebih cepat, ada di antara penduduk di kampung ini memajukan pokok-pokok durian yang masih berbunga lagi kepada peraih-peraih Cina. Pemajakan yang dibuat itu tidak dituliskan di dalam surat perjanjian.

Dengan cara pemajakan begini menyebabkan berlakunya harga buah-buah durian itu bagi dua ribu biji pada musim itu. Tetapi, apabila tiba masanya, didapati buah itu tidak mencukupi sebanyak mana yang dijanjikan. Jadi, siperaih itu akan mengambil buah-buah itu bagi musim akan datang. Jika buahnya tidak juga mencukupi, maka berpanjanganlah pula pada musim yang berikutnya, sehinggalah buah itu mencukupi sebanyak dua ribu.⁽⁴⁾ Peristiwa ini membawa kerugian besar kepada penduduk di sini.

Pada tahun 1963, Jabatan Orang Asli Negeri Sembilan telah ditubuhkan untuk memberi perlindungan kepada Orang-Orang Asli ini. Jadi, semenjak jabatan ini ditubuhkan, amalan pemajakan ini telah diberhentikan.

Selain daripada itu, kebanyakan dari penduduk-penduduk kampung ini adalah terdiri dari penoreh-penoreh getah dan petani. Mereka ini hanya mendapat lebih kurang empat puluh ringgit sebulan seperti mana yang telah dinyatakan dalam sebuah akhbar.

"The Catholics Abrogates who are from the Temuan tribe, are rubber tappers and farmers. They earn an average of \$40 a month."

Sungguhpun pendapatan mereka kecil, tetapi mereka juga mampu untuk memiliki radio di rumah mereka. Pada masa ini didapati lima orang telah bekerja di pejabat Kerajaan. Ini menunjukkan bahawa Orang Asli di sini telah mencapai kemajuan sedikit demi sedikit.

Semasa kampung ini baru dibuka, penduduk-penduduk di sini adalah "Self sufficien", iaitu segala buah-buahan makanan mereka adalah didapati di sekeliling mereka sahaja. Mereka tidak pernah membeli barang-barang dari luar. Oleh itu, mereka belum tahu lagi tentang kegunaan wang.

Tetapi sekarang, perkara ini sudah berubah. Mereka tidak lagi bergantung kepada barang-barang di hutan sahaja. Hasil dari hubungan dengan unsur-unsur luar telah mengubah perhatian mereka terhadap wang. Inilah yang menyebabkan kehidupan mereka tidak lagi kukuh dari segi ekonomi, kerana tidak ada sumber-sumber lain bagi menambah pendapatan mereka.

Walau bagaimanapun, jabatan Orang Asli Negeri Sembilan telah mengambil perhatian berat terhadap mereka dengan menggalakkan mereka supaya bercucuk tanam dan menternak binatang.

Pokok-pokok getah yang telah tua juga ditebang dan ditanam dengan pokok-pokok getah yang baru. Selain daripada itu, berbagai jenis bantuan telah diberikan bertujuan untuk memperbaiki kehidupan mereka.

Seperti mana yang telah kita maklum, bahawa kerajaan telah memperuntukan tanah seluas tiga ratus sembilan belas ekar dan tiga roods, tanah simpanan untuk Orang Asli ini.⁽⁶⁾ Maka seharusnya dengan tanah seluas ini diharapkan dapat memberi jaminan hidup yang baik jika mereka tahu menggunakan setiap inci tanah tersebut.

PEKEMBANGAN AGAMA DI KAMPUNG TEKIR

Di antara agama yang dapat menembusi kepercayaan orang Asli di kampung ini ialah Agama Kristian yang bermazhab Katholik. Agama ini hanya dapat bertapak di bahagian Tekir Hilir (Ladang Deku). Ini adalah hasil daya usaha seorang paderi yang bernama Father Henriot, berketurunan Peranchis dari Gereja Mantin.

Beliau telah berjaya mempengaruhi beberapa orang penduduk di sini untuk menganut agama yang dibawanya. Beliau telah dapat menyesuaikan diri dengan penduduk-penduduk di sini dengan cara beramah mesra dengan mereka sehinggakan sanggup tinggal bersama-sama dengan Orang Asli di sini buat beberapa lama. Dengan sikap lemah lembut juga telah dapat mempengaruhi mereka untuk memeluk agama baru ini.

dengan pesatnya dan penduduk-penduduk di sini akan dapat mengerjakan upacara sembahyang pada tiap-tiap minggu.

Desakan beliau ini telah berjaya, dan pihak berkenaan telah mengisytiharkan bahawa hari Sabtu dan Ahad telah dijadikan cuti mingguan bagi sekolah Kebangsaan Tekir. Ini merupakan satu kejayaan oleh paderi tersebut. Tetapi jika dikaji dengan teliti, maka sudah tentulah beliau berjaya kerana pada masa itu Tanah Melayu di bawah jajahan Inggeris. Semua jabatan Kerajaan termasuk jabatan Pelajaran adalah dimonopoli oleh penjajah.

Sememangnya menjadi daasar pihak penjajah itu selain daripada mendapatkan tanah jajahan mereka juga bertujuan untuk mengembangkan agama Kristian.

Kebanyakan pelajaran di sekolah ini diajar dalam Bahasa Malaysia. Pelajaran Jawi juga telah diajar di sekolah ini. Pengajaran jawi ini mendapat tentangan daripada penduduk-penduduk sebab mereka anggap dengan adanya pelajaran jawi, tidak secara langsung anak-anak mereka akan diIslamkan. Sudah tentulah ini merupakan satu hasutan daripada paderi yang berkenaan. Beliau takut agama Islam pula akan dapat bertapak di kampung ini.

Sungguhpun begitu pihak Jabatan Pelajaran telah memberi penjelasan mengenai pengajaran jawi tersebut, iaitu pelajaran ini hanyalah untuk pengetahuan mereka sahaja, bukan bertujuan untuk mengislamkan mereka. Hasil dari penerangan itu barulah larangan ibubapa terhadap anak-anak mereka ditarik balik. Jadi di sini menunjukkan bahawa agama Kristian telah mendapat simpati yang kuat dari penduduk-penduduk kampung ini.

Sungguhpun mereka telah memelok agama baru ini, tetapi hanya sedikit sahaja bilangan mereka yang menukarkan nama mereka seperti Robert, John dan lain-lain. Dengan lain perkataan, nama-nama Kristian jarang-jarang digunakan. Mereka lebih suka menggunakan nama-nama asal mereka. Contohnya Cik Gu Kechik dan lain-lain, mereka masih menggunakan nama asal mereka sungguhpun mereka telah beragama Kristian.

Pada masa sekarang, paderi Seremban sering datang ke gereja ini. Gereja ini diberi nama "*The Chapel of Our Lady*". Paderi ini datang tiap-tiap hari Ahad pada pukul dua atau tiga petang.(11) Kadang-kadang "sisters" juga datang bersama dengan paderi tersebut. Mereka datang mengikut jalan Labu Batu 8, kerana dengan jalan ini shajalah kenderaan boleh sampai ke gereja ini.

Keadaan kebersihan gereja ini adalah kurang memuaskan. Tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan yang penduduk-penduduk Kampung Tekir ini mengambil berat tentang kebersihannya. Pintu gereja ini telah pecah dan dengan demikian, sesiapa sahaja dapat masuk ke dalamnya termasuk binatang. Kehadiran penganut-penganut agama Kristian untuk bersembahyang di gereja ini tidak memuaskan.

Agama Islam tidak dapat berkembang di kampung ini, pada hal Kampung Tekir ini letaknya berhampiran dengan kampung Melayu. Sungguhpun guru-guru di Sekolah Kebangsaan Tekir ini mempunyai guru Melayu, tetapi tidak dapat mempengaruhi penduduk-penduduk di sini dengan agama Islam. Perkara ini sepatutnya diambil perhatian oleh Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan. Selama ini mereka hanya ditugaskan untuk memperbaiki keimanan Orang-Orang Asli yang telah memeluk agama Islam.

Walaupun begitu, ada juga ura-ura dari alim ulama di negeri ini untuk mengislamkan mereka. Tetapi mereka tidak memahami akan cara hidup penduduk di sini, sedangkan paderi Kristian telah terlebih dahulu mengkaji cara hidup Orang

Apabila didapati ramai penduduk di sini telah memeluk agama Kristian Katolik ini, maka mereka pun dibawa ke Gereja Mantin untuk belajar sembahyang. Dengan adanya sumbangan dari Perbadanan Katolik, maka sebuah gereja telah dibina di kampung ini. Gereja dibuat daripada kayu dan diberi nama "The Chapel of Our Lady". Ia merupakan sebuah gereja yang pertama kali dibina di Kampung Tekir Hilir ini, iaitu dibina sebelum perang dunia kedua. Gereja ini menelan belanja sebanyak \$60, ketika itu.

Father Menriot telah datang dari Mantin ke kampung ini pada tiap-tiap hari Sabtu dan hari Ahad minggu yang pertama untuk mengajar Orang Asli ini bersembahyang. Oleh kerana gereja ini dibuat daripada papan, maka ianya tidak tahan lama. Selepas perang dunia kedua, sebuah lagi gereja telah dibina bagi menggantikan gereja yang telah roboh itu.

Gereja ini telah dibina di Tekir Hilir, iaitu di tapak yang lama. Ia juga diperbuat daripada papan dan perbelanjaan bagi pembinaannya ialah sebanyak \$208, iaitu hasil dari sumbangan Perbadanan Katolik itu juga. Gereja yang kedua ini telah dapat digunakan selama 12 tahun. Paderi-paderi dari gereja Mantin selalu datang ke gereja ini untuk memperkuat kepercayaan Orang Asli ini terhadap agama Katolik, Paderi yang bertanggungjawab pada masa ini ialah Paderi Lee.(7) Beliau biasanya datang ke kampung ini pada tiap-tiap hari Ahad.

Riwayat gereja yang kedua ini juga tidak lama. Selepas gereja ini musnah, sebuah gereja baru dibina. Gereja yang baru ini diperbuat daripada batu dan menelan belanja sebanyak \$7,000. Perbelanjaan yang banyak ini adalah sumbangan Perbadanan Katolik dari Mantin. Gereja ini telah dibuka dengan rasminya oleh Msqr Olecemy, iaitu seorang Arch Bishop Melaka dan Singapura.

Perbadanan Katolik ini telah mencurahkan banyak wang bertujuan untuk menarik lebih ramai lagi Orang Asli di kampung ini untuk menganuti agama ini. Tetapi hanya di Tekir Hilir sahaja yang dapat dipengaruhi oleh agama tersebut. Kebanyakan daripada mereka adalah terdiri daripada golongan muda seperti Cik Kechik(8) dan suaminya. Mereka inilah yang dianggap terpelajar di kalangan penduduk di situ.

Paderi Father Henriotlah merupakan seorang paderi terawal menjadi paderi di Kampung Tekir Hilir ini. Beliaulah yang bertanggungjawab dalam mengkristiankan Orang Asli di sini. Beliau telah mengajar agama tersebut dengan menggunakan Bahasa Malaysia dalam loghat Peranchis.(9) Selain daripada itu, beliau juga menjalankan beberapa aktiviti lain, seperti menjalankan upacara perkahwinan dan pengkebumian. Jadi segala aktiviti di Kampung Tekir Hilir ini telah dijalankan mengikut agama Kristian.

Beliau juga telah menyesuaikan diri dengan adat istiadat Orang Asli di sini dan berjaya menyelesaikan beberapa masalah dan pertelingkahan penduduk-penduduk, jika perkara itu tidak dapat diselesaikan oleh Dato' Batin di kampung itu.

Semenjak beliau berada di kampung ini, perkara perceraian tidak pernah berlaku. Pada masa Pader Lee menjadi Paderi di kampung ini, beliau telah berjaya meminta kebenaran daripada Pejabat Pelajaran untuk membenarkan murid-murid bercuti pada hari Ahad.(10)

Paderi Lee masih tidak puas hati lagi tentang cuti yang telah ditetapkan pada hari Jumaat dan Sabtu. Beliau berkehendakkan hari Ahad menjadi cuti umum bagi sekolah ini. Dengan demikian, maka agama Kristian akan dapat berkembang

Sungguhpun Puan Stewart telah melantik salah seorang dari wanita di sini untuk menggantikan tempat beliau⁽¹⁴⁾ tetapi penggantinya ini tidak juga berjaya untuk memajukan perkumpulan ini.

Ini kerana kekurangan sumbangan dari segi kewangan. Kegagalan pertubuhan ini juga bermakna gagalnya pengembang-pengembang agama Kristian untuk mengembangkan agama ini kepada wanita-wanita di kampung ini, yang mana, dengan adanya pertubuhan secara langsung agama Kristian dapat disebarkan kepada mereka. Ini mengakibatkan bilangan penganut agama ini tidak bertambah malahan semakin merosot bilangannya.

Berhubung dengan penganut-penganut agama Kristian ini, telah berlaku satu kesilapan di dalam akhbar Sunday Times. Ini mungkin sahaja dibuat bertujuan untuk memalukan nama jabatan Orang Asli yang tidak mengambil berat tentang kehidupan Orang Asli. Yang sebenarnya perkara ini tidak benar. Jabatan Orang Asli tidak sekali-kali membezakan layanan di antara Tekir Hilir dengan Tekir Hulu. Surat penafian itu ditulis pada 8hb. Jun, 1959. Di antara kandungannya ialah;

".....It is pointed out that both the Catholic at Kampung Deku (Tekir Hilir) and non Christian at Kampung Tekir (Tekir Hulu) are still under the protection of the Department of Aborigines Negeri Sembilan."

Nota:

- (1) Hasil temuduga dengan Cik Gu Kechik..... seorang guru keturunan Orang Asli.
- (2) Darurat di Tanah Melayu dilsytlarkan pada 1948.
- (3) The Sunday Times bertarikh 7hb. Jun, 1959.
- (4) Hasil dari temuduga dengan bekas seorang Guru Besar Sekolah Kebangsaan Tekir, Cik gu Abu Bakar bin Yahya, telah menjadi guru besar di sekolah ini pada akhir tahun 1948.
- (5) The Sunday Times.
- (6) Mengikut "Federation of Malaya Government Gazette Negeri Sembilan.
- (7) Hasil dari temuduga dengan Dato' Batn Tayan bin Sijak.
- (8) Cik Gu Kechik ialah seorang guru yang pernah mengajar di sekolah ini. Beliaulah yang mula-mula sekali menganut agama Kristian bersama suaminya.
- (9) Paderi Menriot ialah seorang berbangsa Peranchis. Beliau fasih bertutur dalam Bahasa Malaysia.
- (10) Dari catatan yang didapati dari "Diary Harian" Sekolah Kebangsaan Tekir.
- (11) Hasil kunjungan penulis ke sana.
- (12) Tuan Stewart adalah seorang Pengurus Ladang Kirby. Beliau telah banyak membuat kebajikan kepada penduduk kampung ini.
- (13) Cik Gu Kechik
- (15) Sunday Times.

Asli di Kampung Tekir ini, malah sanggup duduk bersama mereka.

Sesungguhnya ada seorang bangsa Melayu yang beragama Islam berkahwin dengan anak Orang Asli di situ tetapi beliau hanya bertujuan untuk menikmati kemewahan yang dimiliki oleh wanita itu, bukan mengembangkan agama Islam.

Mengikut banci bagi tahun 1974 yang diperolehi dari Jabatan Asli Negeri Sembilan, didapati penganut agama Kristian adalah seramai 20 orang sahaja. Seratus peratus dari mereka ini adalah terdiri dari penduduk-penduduk Tekir Hilir masih menganuti kepercayaan lama (anamisma). Seramai 222 orang. Kebanyakan mereka tinggal di Tekir Hulu. Mengikut banci ini, tidak ada seorang pun yang beragama Islam.

Tiga orang Cina yang berkahwin dengan Orang Asli di sini telah menganuti agama Kristian. Mereka tidak dapat mempengaruhi penduduk-penduduk di kampung ini dengan cara hidup dan kebudayaan lama mereka, terutama dengan agama mereka. Didapati orang-orang cina tidak menggunakan langsung kebudayaan mereka dahulu, dan sebaliknya telah mengamalkan cara hidup Orang Asli di sini, seperti yang diketahui bahawa kebudayaan dan cara hidup penduduk di sini telah banyak dipengaruhi oleh unsur-unsur luar. Jadi dengan demikian maka sudah tentulah orang Cina itu dapat menyesuaikan diri mereka di kampung ini.

Wang juga telah memainkan peranan di dalam usaha untuk mengkristiankan mereka. Dengan wanglah segala perkara boleh dilakukan, yang mana pembinaan gereja juga memerlukan wang. Paderi dari Peranchis selalu membawa buah tangan untuk diberikan kepada penduduk di kampung ini, bertujuan untuk menarik hati mereka.

Jadi dengan mudah mereka dapat mempengaruhi Orang Asli ini dengan agama yang dibawa itu.

Mubaligh Islam pula menghadapi beberapa masalah untuk mengislamkan penduduk di sini terutama sekali dalam masalah kewangan. Tidak ada satu badan atau pertubuhan yang sanggup memberi sumbangan untuk pekerjaan yang suci itu. Pihak Jabatan Agama Islam sendiri tidak mempunyai sebarang peruntukan kewangan untuk mengislamkan penduduk di sini.

Selain daripada itu seorang pengurus estet/ladang getah yang berdekatan dengan kampung itu juga telah memberikan bantuan dan sokongan kepada paderi ini. Sebagai seorang penganut agama Kristian, beliau mengambil berat untuk kepentingan agama tersebut. Isteri beliau selalu juga mengadakan lawatan ke kampung ini pada tahun 50'an.

Beliau telah berjaya menubuhkan Persatuan Wanita atau "Womens Institute". Beliau juga sebagai penaung persatuan tersebut. Di samping mengajar wanita Orang Asli ini menjahit, sedikit sebanyak beliau dapat menjalankan jarumnya untuk menarik wanita-wanita tersebut untuk menganuti agama tersebut.

Pada 7hb. Januari 1957, seorang Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu telah mengadakan lawatan ke kampung ini. Tujuan beliau melawat ke sini adalah untuk melihat kemajuan-kemajuan yang dicapai oleh wanita-wanita di kampung ini. Hasil dari lawatan pembesar Inggeris itu, keyakinan mereka terhadap agama Kristian semakin bertambah.

Semenjak Puan Stewart pulang ke England, pertubuhan wanita ini tidak bergerak lagi. Dengan ketiadaan "penaung" bagi kumpulan ini, maka perjalanan pertubuhan ini telah menempuh kegagalan.